



# TAJAJAN PENDIDIKAN DERMASISWA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR KE MAGHRIBI 2024

## SYARAT AM

Pemohon mestilah terdiri dari Rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

1. Pemohon, ibu dan bapa Warganegara Malaysia / Pemastautin Tetap (Dermasiswa Zakat).
2. Pemohon lahir di Negeri Selangor; **ATAU**  
Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; **ATAU**  
Pemohon lahir dan menetap di Selangor/bermastautin dan masih menetap di negeri Selangor lebih dari satu (1) tahun; **DAN**
3. Bebas daripada penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan (surat pengesahan doktor)
4. Telah membuat permohonan ke Mesir atau Jordan melalui Kementerian Pengajian Tinggi <https://dohe.mohe.gov.my/timurtengah>

## SYARAT AKADEMIK

1. Pemohon memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) **Tahun 2022 dan ke atas** dengan memperolehi sekurang-kurangnya kepujian **Gred A-** bagi mata pelajaran:
  - a. Kurikulum Bersepadu Dini (al-Lughah al-Arabiah al-Mu`asarah, al-Syariah, Usul al-Din, Manahij al-Ulum al-Islamiah, al-Adab wa al-Balaghah); **ATAU**
  - b. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (Hifz al-Quran, Maharat al-Quran, Pendidikan Islam, Bahasa Arab, Pendidikan al-Quran al-Sunnah, Pengajian Syariah Islamiah; **ATAU**
  - c. Bahasa Arab Tinggi, Pengajian Syariah Islamiah, dan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah; **SERTA**
2. Sekurang-kurangnya **gred A-** bagi mata pelajaran selebihnya.
3. Keutamaan diberikan kepada pemohon:
  - a. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA); **ATAU**
  - b. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama Tahfiz al-Quran (SMATQ); **ATAU**
  - c. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama Turath dan Dakwah (SMATD) atau yang setaraf dengannya.

## CARA MEMOHON

1. Pemohon **MESTILAH** terlebih dahulu membuat permohonan ke university Maghribi dan melampirkan bukti permohonan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui laman sesawang <https://dohe.mohe.gov.my/timurtengah> .
2. Permohonan tajaan secara dalam talian bermula di laman sesawang <https://epengajiantinggi.jais.gov.my>
3. Tarikh tutup permohonan tajaan pada **11 Jun 2024 (Selasa) Jam 12.00 Tengah Hari**.
4. Pemohon dibenarkan membuat permohonan bagi satu (1) negara dan satu (1) bidang sahaja.
5. Setiap pemohon akan dinilai berdasarkan pengiraan **Had Kifayah yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS)**.
6. Pemohon yang telah berjaya akan dihubungi untuk menghadiri temuduga.
7. Sekiranya pemohon tidak mendapat jawapan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh tutup, permohonan anda dianggap **TIDAK BERJAYA**.
8. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pengajian Tinggi & Sepanjang Hayat, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS di talian 03 5514 3400 samb. 2035 atau email [unitpengajiantinggibpi@jais.gov.my](mailto:unitpengajiantinggibpi@jais.gov.my) / [uptsh.bpi@pendidikanjais.my](mailto:uptsh.bpi@pendidikanjais.my) atau whatsapp 010-3437053